

# UMS mampu realisasi KK sebagai kota ilmu

UB 25/11/2011 B3

Oleh RUZAINI ZULKIFLI  
ruzainiUB@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Kepadatan pembangunan di ibu negeri mampu ditingkatkan menjadi kepelbagaian inovasi sistematik seperti kota ilmu yang memaparkan imej kemajuan Bandaraya Peranginan Semulajadi pada arus moden masa kini.

Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir berkata menerusi institusi pengajian tinggi yang terkemuka di sini, Universiti Malaysia Sabah (UMS), perkara berkenaan tidak mustahil direalisasikan.

“Saya juga percaya Bandaraya Kota Kinabalu boleh menjadi sebuah kota ilmu di samping memaparkan imej Bandaraya Peranginan Semulajadi.

“Dan dengan adanya gedung ilmu UMS, kita mampu berinovasi dalam pengangkutan awam yang sistematik seperti bandaraya-bandaraya metropolitan di negara maju,” katanya.

Beliau percaya UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi amat berkaliiber untuk menjadientitiyangberinovatif, menggunakan pendekatan aplikasi penyelidikan ke dalam polisi serta rangka kerja program dan projek yang ingin dirancang.

“Sehubungan itu, konsep kota ilmu mampu memberikan inovasi kepada



**LANCAR... Abidin (kiri) dan Hamid Ego (kanan) memegang buku Perarakan Berjubah Graduan Di Bandar Raya sempena Majlis Perarakan Berjubah Graduan Kelima di perkarangan ibu pejabat DBKK dekat sini kelmarin.**

DBKK merealisasikannya, namun demikian dalam hal ini masyarakat bandar dan UMS haruslah sepekat dan bersefahaman,” katanya.

Abidin berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Perarakan Berjubah Graduan Kelima di perkarangan ibu pejabat DBKK di sini kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Ego, Naib Canselor UMS, Brigadier Jeneral Professor Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon dan Ketua Pengarah DBKK, Datuk Yeo Boon Hai.

Mengulas lanjut, Abidin berkata sebagai sebuah agensi Kerajaan, DBKK amat yakin

dengan keupayaan UMS sebagai peneraju penyelidikan dan inovasi di Sabah, untuk merealisasikan visi dan misi kerajaan melahirkan komuniti yang berilmu dan berinovasi.

Tambahnya, majlis perarakan berjubah yang sudah masuk kali kelima itu mampu memberikan impak positif kepada masyarakat setempat dan menunjukkan usaha kedua-dua pihak dalam mempertingkatkan imej masing-masing.

“Sayadifahamkan perarakan berjubah kita pada pagi ini telah lama dipraktikkan oleh universiti lain di luar negara. Di University of Oxford, United Kingdom misalnya,



**SELAMAT DATANG... Abidin menyambut kedatangan Hamid Ego dan rombongan perarakan graduasi UMS di perkarangan DBKK kelmarin.**

aktiviti seumpama majlis ini telah berjalan bukan setahun dua, atau sedekad dua, malahan saya difahamkan sudah berlangsung lebih 500 tahun,” katanya.

Seramai 59 graduan Diploma Kejururawatan dan Diploma Teknologi Makmal Perubatan pada tahun ini melakukan perarakan berkenaan di sekitar perkarangan ibu negeri bersempena Konvokesyen Ke-13 UMS.

Majlis berkenaan turut menyaksikan pelancaran Buku Perarakan Berjubah Graduan Di Bandar Raya karya Dekan Sekolah Pertanian Lestari UMS di Kampus Sandakan merangkap Pengerusi Bersama Majlis Perarakan, Prof Madya Dr Mahmud Sudin.



**METERAI ... Abidin dan Kamaruzaman menandatangani sebagai simbolik perasmian perarakan berkenaan. (Gambar atas)**

**BACA MISI ... Mahmud (kanan) membacakan misi UMS dalam perarakan terbabit sambil diperhatikan oleh Abidin (kiri) dan Kamaruzaman (dua kanan). (Gambar kiri)**



**RIANG ... Kelihatan graduan-graduan yang turut serta dalam perarakan itu menunjukkan cendera kenangan yang diterima daripada DBKK.**